

Pulihkan segera maruah bola sepak negara

Oleh **NOOR MOHAMAD SHAKIL HAMEED**

NASIB sukan nombor satu negara iaitu bola sepak pada hari ini boleh diumpamakan bagai sudah jatuh ditimpa tangga. Satu demi satu masalah mula mengongcang dunia bola sepak tanah air. Setelah kita dikejutkan dan diaibkan dengan kekalahan memalukan dibelashah 10-0 oleh Emiriah Arab Bersatu (UAE) di Abu Dhabi baru-baru ini, tiba-tiba penyokong tempatan pula buat hal.

Kekecohan yang dicituskan oleh penyokong bola sepak Malaysia ketika perlawanan antara pasukan Harimau Malaya menentang Arab Saudi dalam perlawanan kelayakan Piala Dunia 2018/Piala Asia 2019 di Stadium Shah Alam kelmarin cukup melampau dan memalukan.

Detik memalukan itu bermula pada ketika perlawanan tersebut memasuki minit ke-88 apabila segelintir penyokong Malaysia melakukan perbuatan biadab apabila mula melemparkan suar, bunga api dan mercun ke tengah padang sehingga menyebabkan perlawanan terpaksa dihentikan ketika Malaysia ketinggalan 1-2. Berikutan keadaan semakin tegang, pengadil perlawanan Liu Kwok Man dari Hong Kong terpaksa menghentikan perlawanan, sebelum mengarahkan semua pemain masuk ke bilik persalinan, ketika pasukan keselamatan cuba mengawal keadaan.

Insiden ini bukan saja memalukan dunia bola sepak negara tetapi turut mencemar dan menjejaskan imej dan nama baik negara kita secara keseluruhannya kerana pertama, ini pertandingan di peringkat antarabangsa dan keduanya, perlawanan itu juga disiarkan secara langsung ke beberapa buah negara khususnya Arab Saudi. Akibatnya dunia menjadi saksi kepada kebiadaban dan kejahilan penyokong tempatan yang cukup memalukan.

Penulis percaya penyokong kita bertindak seperti ini kerana mahu menzahirkan rasa geram, marah dan protes ke atas nasib yang menimpa pasukan bola sepak negara. Prestasi pasukan Harimau Malaya yang cukup mengaibkan dan memalukan ketika dibelashah oleh UAE dengan jumlah jaringan yang begitu besar adalah titik-tolak kepada tindakan nekad sekumpulan penyokong yang hilang pertimbangan



PERMAINAN terpaksa dihentikan akibat penyokong membakar suar dan melempar bom asap pada minit ke-88 separuh masa kedua perlawanan pusingan kelayakan Piala Dunia 2018 antara Malaysia dan Arab Saudi di Stadium Shah Alam, kelmarin. - BERNAMA

dan gagal mengawal emosi dan kemarahan mereka.

Walaupun kemarahan mereka ada asas yang kukuh namun cara mereka menzahirkan tanda protes itu kurang bijak dan tidak boleh diterima akal. Hal ini kerana tindak-tanduk mereka bukan saja mencemarkkan imej bola sepak tetapi maruah negara secara keseluruhannya. Kita tidak mahu Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) selepas ini melabel penyokong kita ganas dan samseng sekali gus membayangkan keselamatan di negara ini tidak terpelihara mahupun terjamin. Ini pastinya bakal meninggalkan kesan yang cukup buruk kepada negara kita.

Ironinya ini bukan kali pertama kejadian seumpama ini berlaku. Senario bola sepak tempatan sememangnya tidak pernah sunyi daripada insiden bakar mercun, bunga api dan pergaduhan sehingga ada sekelompok penyokong tegar digelar sebagai samseng bola sepak. Pertandingan Liga Super dan Piala Malaysia sering menjadi mangsa rakus penyokong biadab seperti ini.

Maka sekali lagi kita terpaksa membangkitkan persoalan klise yang sama dan lapuk iaitu, apa sudah jadi dengan kawalan keselamatan ke atas penonton yang memasuki stadium? Bagaimana mereka boleh membawa masuk mercun, bunga api dan suar ke dalam stadium? Dan apakah Persatuan Bola

sepak Malaysia (FAM) masih belum mampu belajar daripada peristiwa yang telah terjadi sebelum ini?

Malah perkara ini turut dipersoalkan oleh Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin melalui akaun Twitter beliau yang antara lain berkata: "Saya ada di Stadium SA (Shah Alam) malam ini. Melihat sendiri insiden yang memalukan. Baling suar salah. Kawalan Stadium." Beliau turut mempersoalkan, kegagalan Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) mengawal keadaan.

Ternyata berdasarkan kejadian memalukan ini kita boleh membayangkan betapa kita masih belum mengambil iktibar yang secukupnya untuk mengatasi masalah keselamatan dalam stadium. Episod memalukan maruah bola sepak Malaysia harus dihentikan dengan segera.

Situasi kelim-kabut dan tidak terkawal seperti ini tidak boleh dibiarkan berlarutan. FAM perlu bekerjasama rapat dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk menghentikan kegilaan sesetengah penyokong yang memasuki stadium yang jelas bukannya datang untuk menonton bola sepak tetapi mahu menimbulkan kekecohan dan sekali gus mencabar pihak berkuasa keselamatan.

Ringkasnya FAM perlu memandang serius kejadian terkini yang berlaku di stadium Shah Alam ini. Ini bukan soal bola sepak semata-mata tetapi sudah mula memabitkan imej dan maruah negara

di persada antarabangsa. Jangan lupa tindakan biadab penonton ini sudah pastinya bakal mengundang pelbagai reaksi serta hukuman daripada FIFA. Apakah ini yang kita mahukan?

Dalam hal ini penyokong kita juga perlu muhasabah diri. Walau geram dan marah macam mana sekalipun kita tidak wajar membuat kerja-kerja 'gila' seperti ini. Risiko dan kesannya cukup besar. Realitinya bola sepak adalah sukan yang cukup menarik dan profesional, maka kita juga memerlukan penonton yang profesional dan bertamadun. Jangan kita bertindak umpama marahkan nyamuk kelambu dibakar kerana kelak yang ruginya adalah negara kita secara keseluruhannya.

Hakikatnya kita cukup sedia maklum tahap prestasi pasukan bola sepak negara. Betul kita pernah hebat satu ketika dahulu sehingga mampu melangkah ke peringkat Sukan Olimpik sebanyak dua kali. Namun itu adalah kisah silam yang pada hari ini dilihat begitu sukar untuk kita mengulangnya. Justeru harapan kita terhadap pasukan Harimau Malaya juga perlulah berpada-pada dan tidaklah boleh setinggi gunung kerana kita takut kecewa kelak dan sewajarnya kita sentiasa sedar kemampuan pasukan negara.

Justeru besarlah harapan kita agar insiden ini akan membuka mata semua pihak. FAM perlu bangkit daripada lamunan. Buat rombakan dan transformasi secara menyeluruh untuk fokus kepada aspek pembangunan bola sepak negara. Perlu ada pelan rancangan jangka panjang yang jelas dan berkesan untuk membina semula kredibiliti dan mengembalikan zaman kegemilangan sukan bola sepak negara.

Di samping itu mantapkan kerjasama dengan PDRM untuk memastikan keselamatan stadium kita sentiasa terpelihara dan terjamin. Bendung budaya samseng bola sepak ini daripada terus menular. Pada masa sama penonton juga perlu berubah. Jangan jadi terlalu jahil dan biadab. Kita ada adab dan nilai yang kita banggakan selama ini. Tunjukkan kepada dunia bahawa kita adalah masyarakat yang bertamadun. Apapun betulkan niat dan jangan lupa maruah bola sepak negara perlu segera dipulihkan!

PENULIS ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia.